

Headline **Menghijau bekas lombong**  
Date **09 Jul 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Variasi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **V22**  
Article Size **776 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **22,314**  
PRValue **66,942**



# Menghijau bekas lombong

## Ladang hutan beri faedah dalam aspek persekitaran, sosial dan ekonomi

Hartini Mohd Nawi

**K**EHUAUAN alam dapat dirasai sepenuhnya ketika berada di Pusat Penghutanan Semula Tanah Lombong (TTAC), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Bidor, Perak.

Kawasan bekas lombong berusia lebih kurang 40 tahun terletak di Stesen Penyelidikan FRIM itu kemudiannya menjadi ladang hutan, sekali gus muncul alternatif serampang dua mata.

Persekitaran yang nyaman dan jauh daripada hiruk-pikuk kota membuatkan kewujudan lokasi berkenaan amat bermanfaat.

Penanaman pokok spesies hutan bukan saja bertindak sebagai penyerap karbon malah dapat menyerap elemen berpotensi toksik dari tanah.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan FRIM, Dr Ang Lai Hoe, di samping mengindahkan landskap bekas lombong, penubuhan ladang hutan itu turut memberikan faedah dalam aspek persekitaran, sosial dan ekonomi.

"Kewujudan ladang hutan memerlukan aktiviti penyeli-

dikan dan pembangunan bagi menyokong pertumbuhan pokok spesies hutan di kawasan bekas lombong yang panas serta ketandusan nutrien.

"Merangkumi kawasan seluas 121.4 hektar ladang ini antara contoh yang berjaya dan menjadi pusat penyelidikan serta rujukan terbaik," katanya.

Sementara tujuan penubuhan TTAC adalah menyebarkan maklumat mengenai teknologi penghijauan, membangunkan kaedah kos efektif melalui penyelidikan untuk pemuliharaan bekas lombong timah.

Seterusnya, ia juga bertujuan meningkatkan pertumbuhan dan kepelbagaiannya biologi dirian pokok serta menggalakkan kerjasama dalam penyelidikan dengan pihak berminat.

Sebahagian daripada bekas lombong yang telah dihijaukan dengan campuran spesies balak di antara tumbuhan semula jadi yang telah membentuk landskap baru di TTAC.

"TTAC mempunyai lebih kurang 10 spesies pokok balak yang

bernilai komersial.

"Kajian perhutanan tani di sini menunjukkan tumbuhan herba seperti tongkat ali (eurycoma longifolia), mengkudu (morinda citrifolia) dan halia (zingiber officinale) boleh ditanam dengan jayanya di bawah dirian pokok.

"Spesies balak yang ditanam membentuk lapisan atas dengan lapisan pertengahan dan bawah yang terdiri daripada lebih kurang 20 spesies pokok dan pokok renek yang disebarluaskan burung dan haiwan liar," kata Ang.

Kini, iklim mikro termasuk

suhu dan kelembapan dirian ladang hutan adalah hutan hujan sekunder.

Kolam lombong yang dikelilingi dirian pokok kini tidak sunyi lagi kerana menerima kunjungan pelbagai spesies burung.

Malah TTAC turut menyaksikan kewujudan haiwan lain seperti burung enggang, tupai, ayam hutan, harimau bintang, monyet dan ular senduk.

Tidak hairanlah keindahan pemandangan dan kicauan burung ketika Subuh menjadikan lokasi

itu tumpuan pencinta alam.

"Satu kajian terbaru menunjukkan 64 spesies burung berbeza termasuk burung berhijrah adalah 'tetamu' TTAC.

"Ia juga antara pilihan lawatan lapangan penganjur persidangan, universiti dan pencinta alam," kata Ang.

Penubuhan dan perkembangan TTAC turut mendapat sokongan kerajaan khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), agensi antarabangsa dalam pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta khidmat perundingan.

Antara aktiviti R&D yang menjadi tumpuan TTAC termasuk fitopemuliharaan elemen berpotensi toksik, penghutanan semula, kepelbagaiannya biodiversiti dan pemuliharaan serta perhutanan tanah.

TTAC turut menjadi pusat rujukan dalam penganjuran latihan untuk orang ramai dan lebih membanggakan, FRIM sudah berkecimpung dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam penghijauan tanah teriar selama dua dekad.

Headline **Menghijau bekas lombong**  
Date **09 Jul 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Variasi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **V22**  
Article Size **776 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **22,314**  
PRValue **66,942**

The collage consists of five photographs:

- Top right:** A wide shot of a calm lake surrounded by dense tropical forest.
- Bottom right:** A close-up view of a rocky shoreline with lush green vegetation growing on the rocks.
- Middle right:** A view of a dense forest with tall trees and a person walking through the undergrowth.
- Bottom left:** A view of a dense forest with tall trees and a person walking through the undergrowth.
- Top left:** A view of a dense forest with tall trees and a person walking through the undergrowth.

**Text elements:**

- ADA KARAKTER...** setiap pokok mempunyai corak tumbesaran berbeza.
- KHAZANAH...** Tasik TTAC dengan ekosistem tersendiri.
- BERMANFAAT...** setiap bahagian dibangunkan dengan merencanakan kehidupan semula jadi.
- PELRAGAI MAKLU-MAT...** antara pokok hutan yang boleh dimanfaatkan untuk kajian.
- SUASANA SEBENAR...** kawasan yang luas membentarkan penerokaan ilmu alam.